

# Kes kematian penyu meningkat

**Trend peningkatan tersebut ketara sejak 2011 hingga 2016 di Terengganu**

NURUL ZAILA MOHD TAHIR

KUALA TERENGGANU

**K**es kematian penyu dalam tempoh tujuh tahun di negeri ini menunjukkan trend membimbangkan.

Setiap tahun bermula 2011 hingga 2016 mencatat peningkatan ketara dan sedikit menurun untuk tahun 2017.

Pelbagai faktor mungkin menjadi penyebab kepada kes kematian dan kecederaan penyu, bahkan turut mengganggu jumlah pendaratan spesies tersebut di pesisir pantai seluruh Terengganu.

Ketua Cawangan Mamalia Marin, Institusi Perikanan Malaysia (FRI) Rantau Abang, Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, trend kes kematian penyu mendadak setiap tahun.

"2011 hanya 20 ekor kematian penyu berlaku dan meningkat kepada 31 ekor untuk tahun seterusnya. Pada 2014 meningkat lagi kepada 40 ekor, 2015 mencatat 47 ekor dan 59 ekor pada 2016.

"Paling tinggi mencecah 70 ekor pada tahun 2016 dan menurun kepada 51 kes pada 2017 manakala sehingga September 2018, sebanyak 51 kes kematian penyu direkodkan.

"Ini adalah kes kematian penyu yang dilaporkan kepada Jabatan Perikanan Terengganu," katanya ketika sesi temubual 'Jangan biarkan penyu menangis' di pejabat Sinar Harian Terengganu, kelmarin.

## Pendaratan penyu terjejas

Beliau berkata, pelbagai faktor menjadi ancaman sehingga menyumbang kepada kadar peningkatan kematian dan kecederaan dialami spesies itu.

"Biasanya lokasi penyu terdampar sama ada mati atau cedera paling tinggi di pantai sekitar Kemaman diikuti Dungun, Marang, Kuala Nerus, Besut, Kuala Terengganu dan Setiu.

"Sikap manusia yang memburu penyu untuk makan daging, jual telur dan cangkerang turut menyumbang kepupusan.

"Ada yang terperangkap atau terkejut dalam peralatan ikan, pelanggaran secara tidak sengaja dengan botlaju mengakibatkan kecederaan parah dan maut. Pencemaran pantai, pembangunan tidak terkawal dan pelbagai lagi turut menyumbang kematian penyu," katanya.

Beliau berkata, jika dilihat kepada trend statistik tahunan persarangan penyu di pantai Terengganu menunjukkan turun naik tetapi tidak dinafikan kes kematian



Seri Merantau dilepaskan ke perairan Rantau Abang selepas dirawat di FRI Rantau Abang.



Seekor penyu yang dilepaskan semula ke ekosistem selepas dirawat.



Tamimi (tengah) ketika hadir untuk sesi Sinar Live "Jangan biarkan penyu menangis".

penyu turut menjejaskan pendaratan.

"Pada 2016, bilangan sarang penyu sebanyak 9,720 dengan jumlah 807,165 telur dieram dan hanya 614,489 ekor berjaya ditetas.

"2017 hanya 4,104 sarang dan 334,190 telur dieram serta yang menetas sebanyak 274,644 ekor sahaja.

"Bermakna lebih kurang 82 peratus sahaja anak penyu dilepaskan ke ekosistem asal," katanya.

## Penyu belimbing merajuk?

Kata Tamimi, penyu Belimbing antara spesies yang kian pupus tetapi muncul di perairan Rantau Abang untuk bertelur pada September 2017.

"Kali terakhir penyu Belimbing datang bertelur ialah pada Ogos 2010 dan kita menyangkakan spesies itu sudah tiada.

"Bagaimanapun selepas 10 tahun akhirnya penyu Belimbing datang bertelur tetapi

telurnya tidak boleh menetas.

"Kita harapkan ini bukan kali terakhir dan tidak mustahil reptilia ini akan datang kembali," katanya.

Kata Tamimi, FRI Rantau Abang memaikan peranan penting memelihara dan memulihara penyu termasuk merawat penyu tercedera.

"FRI Rantau Abang komited merawat penyu dan banyak menerima kes penyu tercedera sepanjang tahun.

"Contohnya pada 2017, sebanyak lima ekor penyu terdiri daripada spesies Lipas, Karah dan spesies agar.

"Manakala sehingga September 2018, sebanyak lapan ekor penyu telah dan sedang dirawat," katanya.

## Kaedah moden, tradisional rawat penyu cedera

Jelasnya, mengenai kaedah rawatan pula pihaknya menggunakan pendekatan mo-

den dan tradisional.

"Melalui kepakaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Klinik Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kita gunakan kaedah X-Ray serta ubatan moden.

"Rawatan herba juga digunakan untuk merawat dengan lebih cepat dan berkesan.

"Biasanya dalam tempoh tiga hingga enam bulan selepas rawatan dan diyakini sudah pulih sepenuhnya, penyu akan dilepaskan semula ke ekosistem," katanya.

Menurutnya, jika semua pihak berganding bahu, tidak mustahil kegemilangan Terengganu sebagai pusat penyu bertelur akan dicapai.

"Semua pihak sama ada agensi kerajaan, masyarakat, badan berkanun, universiti, swasta dan NGO perlu berpegang teguh kepada Akta Perikanan 1985, peraturan dan enakmen negeri masing-masing dalam menjaga kelestarian populasi penyu.

"Di negeri ini, kita ada undang-undang Enakmen Penyu 1951 yang hanya terpakai kepada penyu belimbing dan sudah tiba masanya dipinda untuk semua spesies penyu.

"Semua pihak harus bertanggungjawab bersama-sama membantu agensi kerajaan memelihara serta memulihara spesies terlindung ini," katanya.